



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 15 (09 APRIL – 15 APRIL 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-15 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,399 kes berbanding 2,339 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 60 kes (2.6%). Satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-15 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 33,325 kes berbanding 10,954 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 22,371 (204.2%). Manakala sebanyak 21 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding lima (5) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 16 kematian.

Sebanyak 109 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 93 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 59 lokaliti berada di Negeri Selangor, 25 lokaliti di Pulau Pinang, 10 lokaliti di Sabah, enam (6) lokaliti di WPKL & Putrajaya, empat (4) lokaliti di Kedah, tiga (3) lokaliti di Perak, dan masing-masing satu (1) lokaliti di Sarawak serta WP Labuan .

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak tiga (3) kes pada minggu ke-15 dengan kesemua kes dari Selangor. Jumlah kumulatif kes chikungunya

sehingga kini adalah 117 kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 795 sampel darah dan empat (4) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sempena cuti semester persekolahan dan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang, semua pihak perlu memastikan kawasan rumah bebas dari bekas-bekas yang boleh menakung air dan seterusnya menjadi tempat nyamuk Aedes membiak semasa bercuti. Lakukan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan luar rumah. Bersihkan, berus dan simpan bekas-bekas yang masih digunakan. Lupuskan barang-barang lusuh seperti baldi, bekas-bekas plastik, tong cat, bekas makanan haiwan dan sebagainya yang terdapat di sekeliling rumah termasuk kawasan lorong belakang rumah.


Selain itu, gunakan bahan repelan untuk mencegah gigitan nyamuk Aedes terutama apabila berada di luar rumah. Dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat jika mengalami gejala denggi yang berupa demam tinggi secara tiba-tiba, sakit otot/ sendi, sakit kepala, pening serta sakit pada belakang mata. Jaga diri, keluarga dan komuniti daripada ancaman demam denggi. Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. NORHAYATI BINTI RUSLI

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia


20 April 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-15 dan ke-14 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-15 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan Demam Denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-15 tahun 2023